

TARIKH	20 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	16	RUANGAN	Nasional

Agong, Permaisuri berlepas ke Makkah

SEPANG - Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Haminah selamat berangkat menunaikan fardu haji, dari Kompleks Bunga Raya Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, di sini, semalam.

Pesawat khas yang membawa baginda serta rombongan berlepas jam 10.45 pagi.

Turut bersama dalam rombongan diraja itu ialah anakanda, Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz dan Datuk Seri Diraja Tunku Soraya, Datuk Seri Iskandar Zulkarnain Sultan Idris Shah, Ahli Jemaah Pemangku Sultan Kedah, Tunku Temenggong Kedah, Tan Sri

Tunku Sallehuddin Sultan Badlishah dan Toh Puan Temenggong Kedah, Puan Sri Tengku Maliha Tengku Ariff.

Hadir sama bagi mengucapkan selamat jalan ialah Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan isteri Puan Sri Noorainee Abdul Rahman serta Menteri Besar Kedah Datuk Seri Azizan Abdul Razak.

Pada majlis istiadat mengucapkan selamat berangkat itu, sebanyak 21 das tembakan meriam turut dilepaskan diiringi lagu Negaraku.

Seri Paduka Baginda kemudian memeriksa barisan kehormat terdiri daripada empat pegawai dan 103 anggota Batalion 1 Rejimen Askar Melayu Diraja.

Sebelum pasangan Diraja itu menaiki pesawat khas, bacaan doa dilakukan dengan dipimpin Mufti Wilayah Persekutuan Datuk Wan Zahidi Wan Teh.

Pegawai Perhubungan Awam Istana Negara Muhd Khairi Abd Rahman berkata, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom akan mengiringi Seri Paduka berdua sepanjang berada di Tanah Suci.

Pasangan Diraja itu dijadual berangkat bertemu jemaah haji Malaysia pada 9.30 pagi di ibu pejabat Tabung Haji di Makkah, Isnin ini, kata Muhd Khairi.

Tuanku Abdul Halim dan Tuanku Hajah Haminah dijadual pulang ke tanah air pada 31 Oktober.



Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Tuanku Hajah Haminah berkenan melambaikan tangan sebelum berangkat bagi menunaikan fardu haji pada Istiadat Mengucah Selamat Berangkat di Kompleks Bunga Raya KLIA, semalam.